

International Journal of Education,
Psychology and Counselling (IJEPC)
Journal Website: <http://ijepe.com/>
eISSN: 0128-164X



ANALISIS MASALAH DAN JENIS KEMAHIRAN PENDIDIKAN SEKSUALITI KANAK-KANAK PRASEKOLAH DARI SUDUT PANDANGAN GURU DAN IBUBAPA

ANALYSIS OF THE PROBLEMS AND TYPES OF THE PRESCHOOLER SEXUALITY EDUCATIONAL SKILL FROM PARENT AND TEACHER VIEW

Zarina Eshak¹, Azizah Zain², Mazlina Che Mustafa³

- ¹ Department of National Child Development Research Centre (NCDRC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia
Email: zarinaeshak79@gmail.com.my
- ² Department of National Child Development Research Centre (NCDRC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia
Email: azizah.zain@fpm.upsi.edu.my
- ³ Department of National Child Development Research Centre (NCDRC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia
Email: mazlina.ce@fdm.upsi.edu.my

Article Info:

Article history:

Received date: 23.03.2020
Revised date: 01.04.2020
Accepted date: 31.05.2020
Published date: 10.06.2020

To cite this document:

Zarina, E., Zain, A., & Che Mustafa, M. (2020). Analisis Masalah dan Jenis Kemahiran Pendidikan Seksualiti Kanak-Kanak Prasekolah dari Sudut Pandangan Guru dan Ibubapa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5 (35), 152-166.

DOI: 10.35631/IJEPC.5350014.

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji masalah pendidikan seksualiti dari aspek keselamatan di rumah dan di sekolah serta mengenalpasti jenis kemahiran pendidikan seksualiti yang perlu dipelajari oleh kanak-kanak prasekolah dari sudut pandangan guru dan ibubapa. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dalam menganalisis soal selidik. Sampel kajian terdiri daripada 126 orang guru prasekolah dan ibubapa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden bersetuju punca permasalahan kepada masalah jenayah seksual adalah kurangnya pendedahan kepada pendidikan seksualiti daripada rumah serta di sekolah. Manakala kemahiran yang mendapat kedudukan yang terpenting sekali ialah kemahiran menjaga keselamatan diri dan orang lain. Oleh itu pihak-pihak yang terlibat dalam bidang Pendidikan Prasekolah perlu mengambil inisiatif untuk menyediakan modul pendidikan seksualiti yang khusus untuk murid prasekolah bagi menjaga keselamatan diri mereka.

Kata Kunci:

Analisis Masalah, Pendidikan Seksualiti, Jenis Kemahiran, Guru Prasekolah, Ibu Bapa

Abstract:

The purpose of this study is to examine the issue of sexuality education in the areas of the home and school safety and to identify the types of sexuality education skills that preschool children need to learn from the perspective of teachers and parents. This study uses a quantitative approach to analyzing the questionnaire. The study sample consisted of 126 preschool teachers and parents. The findings of the study show that respondents agree that the root cause of the problem of sexual crime is the lack of exposure to sexuality education at home and at school. While the skills that are most important are the skills of taking care of yourself and others. Therefore, those involved in Preschool Education should take the initiative to provide a special sex education module for pre-schoolers to safeguard themselves.

Keywords:

Problem Analysis, Sexuality Education, Skill Types, Preschool Teachers, Parents

Pengenalan

Pendidikan seksualiti kanak-kanak adalah ditakrifkan sebagai pendidikan seks yang dikatakan lebih memfokuskan aspek reproduktif, perlindungan dan keselamatan fizikal (Ang, C. T. 2014). Ianya turut diberi penambahan aspek dalam pendidikan seksual di mana pendidikan seksualiti juga mengambil kira aspek agama, nilai dan budaya masyarakat Malaysia (Shariza, S. 2017). Terkini, semakin ramai di kalangan kanak-kanak di negara kita yang didapati dianiaya dari segi kesalahan seksual seperti pornografi, pangantunan (sexual grooming), dan amang seksual. (NOR, M. F. M. 2018). Mengikut perangkaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) , sebanyak 13,272 kes rogol atau 59.7 peratus direkodkan bagi tempoh berkenaan, manakala cabul (6,014 kes atau 27.04 peratus), sumbang mahram (1,766 kes atau 8.07 peratus) dan luar tabii (1,152 kes atau 5.18 peratus) (Berita Harian 2017) . Pada masa yang sama, negara juga sedang menghadapi dilema sosial yang melibatkan peningkatan kes penderaan seksual di kalangan kanak-kanak (Shukor, 2017). Kebanyakan kes penderaan seksual yang berlaku adalah dari kalangan mereka yang rapat dan dikenali kanak-kanak, namun punca yang paling utama ialah tiadanya pendedahan tentang pendidikan asas seksualiti di rumah dan juga di sekolah. Selain daripada penglibatan guru di sekolah, ibu bapa juga merupakan pengajar keselamatan diri yang berkesan di rumah, di mana anak-anak yang diajar oleh ibu bapa menunjukkan peningkatan yang lebih besar dalam mengenali sentuhan selamat dan tidak selamat serta penglibatan ibubapa juga amat berkesan dalam penerapan kemahiran keselamatan diri (Jin, Y.et al.,2019).

Pernyataan Masalah

Pernyataan masalah boleh dilihat dari pelbagai sudut. Antara permasalahan yang boleh dihuraikan adalah dari segi masalah semasa pendidikan seksualiti kanak-kanak prasekolah yang menjurus kepada aspek keselamatan kanak-kanak di rumah dan juga di sekolah, jenis kemahiran dan kebolehan murid-murid untuk menguasai pendidikan seksualiti, kelemahan pelaksanaan kurikulum yang sedia ada, kelemahan dari sudut kandungan utama dalam pengajaran pendidikan seksualiti, ketiadaan latihan mempertahankan diri dalam pendidikan kanak-kanak prasekolah, ketiadaan bahan pengajaran pendidikan seksualiti khusus tentang keselamatan diri dan, kekurangan ataupun ketiadaan hasil kajian tempatan mengenai pendidikan seksualiti bagi murid prasekolah semuanya menonjolkan masalah kajian ini.

Apabila menyentuh soal keselamatan kanak-kanak, menurut buku Panduan Kesihatan dan keselamatan kanak-kanak (Ishak Z., 2006) keselamatan adalah merujuk kepada melindungi individu agar sentiasa berasa selamat, memberi perlindungan agar hidup sejahtera dan melindungi sesuatu yang merbahaya. Keselamatan seksual kanak-kanak pula adalah berkaitan dengan tanggungjawab untuk menghargai tubuh badan sendiri, berinteraksi dengan kedua-dua gender (pemahaman tentang jantina lelaki dan perempuan), kemahiran untuk meluahkan kasih sayang dengan cara yang sewajarnya (hubungan kekeluargaan) , mengelakkan eksploitasi dalam persahabatan (rakan sebaya), mengenalpasti nilai, bertanggungjawab dengan perlakuan sendiri, berkomunikasi dengan cara yang berkesan, mempunyai daya ingin tahu yang kuat tentang isu yang berkaitan dengan seksual, mempunyai daya komunikasi dan berusaha mengehadkan seksual, memilih tentang peribadi yang betul dan bertindak berdasarkan nilai.

Walaupun guru dan ibu bapa berpersepsi positif terhadap keperluan pendidikan seksualiti, namun mereka kurang yakin terhadap diri dan kurikulum sedia ada dalam menyampaikan pendidikan seksualiti kepada murid-murid (Tin, 2014) . Pada asasnya, ibu bapa dan pengasuh mempunyai peranan yang penting kepada anak-anak sebagai pendidik dalam seksualiti. Walau bagaimanapun, ada sebilangan faktor, termasuk kekurangan pengetahuan, kemahiran, atau keselesaan, mungkin menghalang ibu bapa atau penjaga untuk memenuhi peranan itu (Breuner, 2016). Pusat asuhan kanak-kanak, sekolah, institusi, media, dan guru prasekolah adalah sumber yang menjadi panduan kepada ibu bapa dengan memberi latihan, bahan, pemahaman, dan juga dorongan. Oleh itu satu analisis perlu dilaksanakan untuk melihat situasi semasa yang berlaku kepada pendidikan seksualiti kanak-kanak dari aspek keselamatan di rumah dan juga di sekolah agar dapat menentukan pendidikan seksualiti yang bagaimanakah yang bersesuaian dengan cabaran jenayah seksualiti kanak-kanak pada masa kini. Ini dapat dibuktikan daripada statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan sebanyak 5,779 kes penderaan seksual kanak-kanak direkodkan dari 2010 hingga 2015 dengan purata kes sebanyak 963 kes setahun (Berita Harian Online, 2017, 6 Oktober). Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula merekodkan 2,759 kes rogol, 412 kes sumbang mahram, 1,423 kes mencabul kehormatan dan 422 kes luar tabii membabitkan mangsa di bawah 18 tahun bagi tempoh 2015 dan 2016. Hasil daripada laporan kes-kes tersebut menunjukkan bahawa masyarakat malaysia terutamanya para ibubapa dan guru-guru masih tidak sedar tentang punca permasalahan ini berlaku yang pastinya ianya berkaitan tentang isu keselamatan di rumah dan juga di sekolah.

Teori


Kerangka teori kajian ini yang dibina hasil tinjauan literatur berkaitan pendidikan seksualiti, model-model *pendidikan seksualiti*, teori pengajaran dan pembelajaran, serta model-model pedagogi yang digunakan dalam kajian. Kerangka teori untuk kajian ini merupakan gabungan teori serta model; Teori yang mendasari pendidikan kesihatan seksualiti iaitu *Teori Psikoseksual Sigmund Freud* (konsep struktur personaliti) dan *Teori Keperluan Maslow* (1943) (Schmidt et al., 2015) ; Model Kurikulum (Tyler, 1949) ; Model Fitts dan Posner 1972 (Bugdadi et al., 2018) ; Model Kitaran Seksualiti (Dalley, 2012) ; dan Model Latihan SIM (Milano & Ullius, 1998) .

Konsep penting di dalam teori psikoanalitik Freud ialah konsep struktur personaliti yang terbahagi kepada id, ego dan superego. Perhubungan sosial juga semakin luas. Komunikasi sosial yang asalnya hanya di sekitar ahli keluarga, kemudiannya berkembang kepada komunikasi dengan pengasuh, jiran-jiran, rakan sebaya dan guru-guru di sekolah. Bahagian ini berkembang secara beransur-ansur ketika kanak-kanak menghayati moral. Dengan mengawal keinginan Id, pendidikan seksualiti dapat diadaptasi ke dalam pembelajaran kanak-kanak. Kerjasama antara ibubapa dan guru amat penting bagi memastikan pengajaran pendidikan

seksual bukan sahaja dapat diaplikasikan secara teori tetapi juga secara praktikal. Merujuk kepada Teori Keperluan Maslow pula, faktor keperluan murid merangkumi keperluan asas keselamatan, kasih sayang, penghargaan sendiri dan kesempurnaan sendiri. Kehendak dan keperluan murid perlu dipenuhi supaya menjamin konsep sendiri yang positif sejajar dengan apa yang terkandung di dalam sesuatu kurikulum yang ingin dirancang. Menurut Ozguner & Ozguner (2014), tahap keperluan motivasi Maslow dipenuhi melalui tiga jenis ganjaran; pertama, tahap yang paling teratas iaitu tahap pencapaian diri dipenuhi sepenuhnya melalui ganjaran yang bersifat intrinsik seperti penghormatan sosial, penghargaan, anugerah berprestij, pujian sosial dengan mendapat nama baik dan yang seumpamanya; kedua iaitu di peringkat memenuhi keperluan penghormatan diri, ia diperolehi daripada ganjaran bersifat intrinsik dan ekstrinsik; ketiga, di peringkat keperluan sosial sehingga keperluan fisiologi, ia diperolehi melalui ganjaran bersifat ekstrinsik semata-mata.

Seterusnya model kurikulum yang akan digunakan dalam kajian ini ialah Model Kurikulum Tyler (1949) yang dianggap sebagai model pembangunan kurikulum yang paling dominan dan diperakukan (Asra et al., 2014). Dalam model ini, persoalan utamanya adalah usaha ke arah merumuskan objektif kurikulum. Manakala persoalan keduanya merujuk kepada pemilihan kandungan atau pengalaman pembelajaran pelajar yang diinginkan. Seterusnya persoalan ketiga pula membawa kepada usaha untuk mengorganisasikan pengalaman pembelajaran dan persoalan terakhir pula berkaitan dengan keberkesanan penilaian kurikulum (Zanariah Ahmad, 2017). Gansen mencadangkan agar perkongsian antara profesional yang bekerja dalam bidang seksual harus diterokai bagi membangunkan kurikulum pendidikan seksualiti untuk kanak-kanak prasekolah (Gansen, 2017). Ini akan bertindak untuk menyokong latihan mempertahankan diri bagi menangani masalah semasa dalam jenayah seksual dan pada masa yang sama dapat menjelaskan kandungan yang sesuai untuk latihan mempertahankan diri bagi kanak-kanak prasekolah. Model yang seterusnya yang akan digunakan dalam kajian bagi pembangunan serta pengumpulan maklumat-maklumat dalam Latihan mempertahankan diri ialah Model Fitts dan Posner (1972). Kajian ini menggunakan Model Fitts dan Posner sebagai kerangka untuk menggambarkan kemajuan semasa dalam pembelajaran motor. Model pembelajaran motor Fitts dan Posner membuktikan bahawa jika seseorang itu dilatih dengan latihan yang disengajakan, maka mereka akan maju untuk melalui ke peringkat fasa keupayaan motor autonomi. Pandangan ini disokong oleh (Bugdadi, 2018) yang mengatakan dalam kajiannya bahawa model motor Fitts dan Posner adalah selaras dengan konsep pembelajaran secara automatik atau pembelajaran yang tidak disengajakan ini menjadi semakin bertambah baik setelah menamatkan latihan residensi. Model Latihan SIM juga digunakan dalam membangunkan Modul Seksualiti PEKASa berasaskan Latihan Mempertahankan Diri. Model SIM adalah singkatan daripada *Sequential Interactive Model* di mana ia adalah model yang digunakan sebagai dasar bagi membentuk sesebuah latihan yang ingin diimplementasikan. Ia adalah berkonsepkan kepada lima komponen utama yang diperlukan dalam sesebuah latihan iaitu matlamat dan objektif, kata kunci iaitu melibatkan kandungan yang hendak dilatih, aliran latihan, bahan bantu latihan dan penilaian latihan (Mohd Amerul Akmal & Noor Azean, 2013). Pemilihan Model SIM dalam kajian ini sangat menepati ciri-ciri pembentukan latihan yang ingin dibangunkan iaitu latihan mempertahankan diri.

Kerangka Teori



Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat mengenai masalah dan jenis kemahiran pendidikan seksualiti yang perlu dipelajari oleh kanak-kanak prasekolah dari sudut pandangan guru dan ibubapa.

Objektif Kajian

Objektif khusus kajian ini ialah untuk mengenal pasti;

1. Masalah yang dihadapi oleh ibubapa untuk melaksanakan penerapan pendidikan seksualiti kepada murid-murid prasekolah di rumah.
2. Masalah yang dihadapi oleh guru-guru untuk melaksanakan penerapan pendidikan seksualiti kepada murid-murid prasekolah di sekolah.
3. Kemahiran dan kebolehan murid prasekolah dalam penguasaan tahap pembelajaran pendidikan seksual dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan.
4. Jenis kemahiran pendidikan seksualiti yang perlu dipelajari oleh kanak-kanak prasekolah dari sudut pandangan guru dan ibubapa.

Soalan Kajian

1. Apakah masalah dalam pendidikan seksualiti kanak-kanak prasekolah dari aspek keselamatan kanak-kanak di rumah?
2. Apakah masalah dalam pendidikan seksualiti kanak-kanak prasekolah dari aspek keselamatan kanak-kanak di sekolah?
3. Apakah kemahiran dan kebolehan murid prasekolah dalam penguasaan tahap pembelajaran pendidikan seksual dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan?
4. Apakah jenis kemahiran pendidikan seksualiti yang perlu dipelajari oleh kanak-kanak prasekolah dari sudut pandangan guru dan ibubapa?

Metodologi Kajian

Pensampelan

Kajian ini menggunakan kaedah reka bentuk dan pembangunan penyelidikan (DDR), ianya merupakan kajian formatif. Kajian formatif terhadap kepada sampel yang lebih kecil dan bertujuan. Justeru itu, pemilihan responden yang terlibat adalah dari kalangan guru prasekolah dan ibubapa murid prasekolah yang pernah menyertai program PEERS pada tahun 2017. Ini bersesuaian dengan pandangan Taker, Van den branch, Gustafson, Nieveen, & Plomp (1999) yang menyatakan penggunaan sampel yang bertujuan akan memfokuskan kepada permasalahan kajian. Demografi responden melibatkan dua kumpulan utama iaitu ibu bapa dan guru prasekolah yang mengajar murid-murid prasekolah di sekolah kebangsaan. Seramai 126 orang responden terlibat dalam kajian ini yang berada di Kelantan yang terdiri daripada 36 orang ibu bapa kepada kanak-kanak prasekolah dan 90 orang guru prasekolah. Ibu bapa yang dipilih untuk kajian ini mempunyai anak-anak yang bersekolah di prasekolah di sekolah kebangsaan. Responden guru terdiri daripada guru-guru prasekolah dari daerah Tanah Merah, Machang, Kota Bahru, Kuala Krai, Gua Musang dan Bachok yang mengajar di sekolah rendah. Seramai 90 orang guru terlibat sebagai responden dalam kajian ini.

Alat

Data dikumpul melalui soalan yang terdiri daripada dua bahagian. Bahagian A dan B adalah terdiri daripada soalan berbentuk tertutup dan dwi pilihan iaitu samada 'Ya' atau 'Tidak'. Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menganalisis data yang diperolehi melalui soal selidik berstruktur untuk mendapatkan maklumat berikut:

- Latar belakang guru prasekolah/ibubapa (Jantina, bahasa, agama, umur & taraf pendidikan). Sementara itu bahagian B dari soalan itu terdiri daripada soalan dari masalah yang dihadapi oleh ibubapa di rumah serta masalah yang dihadapi oleh guru prasekolah, jenis kemahiran dan kebolehan yang telah dikuasai serta kemahiran dan kebolehan yang sepatutnya dikuasai oleh kanak-kanak dalam pendidikan seksualiti untuk dianalisis bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang berikut:
- Masalah dalam pendidikan seksualiti kanak-kanak prasekolah dari aspek keselamatan kanak-kanak di rumah?
- Masalah dalam pendidikan seksualiti kanak-kanak prasekolah dari aspek keselamatan kanak-kanak di di sekolah?
- Kemahiran dan kebolehan murid prasekolah dalam penguasaan tahap pembelajaran pendidikan seksual dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan?
- Jenis kemahiran pendidikan seksualiti yang perlu dipelajari oleh kanak-kanak prasekolah dari sudut pandangan guru dan ibubapa?

Hasil Dapatan dan Perbincangan

Jadual 1: Status Responden Kajian

Kategori Status	Kekerapan	Peratus (%)
Ibubapa	36	28.6
Guru	90	71.4
Jumlah	126	100%

Analisis deskriptif dalam Jadual 1 menunjukkan majoriti responden dalam kajian ini adalah guru prasekolah yang mewakili 71.4% daripada saiz sampel, manakala ibubapa adalah sebanyak 28.6 %. Secara keseluruhan, nisbah responden 60:40 dipilih bagi mendapatkan gambaran sebenar keperluan pendidikan seksualiti kanak-kanak prasekolah daripada perspektif ibu bapa serta guru prasekolah.

Jadual 2: Analisis Masalah Jenayah Seksual dari Aspek Keselamatan Kanak-kanak Di Rumah

Kategori	Guru Prasekolah (n=90)		Ibubapa (n=36)		Frekuensi (f)		Peratus (%)	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Aspek keselamatan kanak-kanak di rumah								
Pengetahuan asas pendidikan seksual tidak diberi di rumah	89	1	36	0	125	1	99.2	0.8
Pengetahuan asas tentang LGBT tidak diberi di rumah	90	0	36	0	126	0	100	0
Pengasingan tempat tidur kanak-kanak lelaki dan perempuan tidak diberi penekanan	89	1	35	1	124	2	98.4	1.6
Kanak-kanak tidak mempunyai batasan pergaulan antara ahli keluarga	90	0	36	0	126	0	100	0
Tiada larangan tontonan bagi siaran televisyen yang berunsurkan khas untuk tayangan untuk 18SX	90	0	36	0	126	0	100	0

Berdasarkan kepada keputusan Jadual 2, dapatan kajian menunjukkan beberapa pandangan responden terhadap isu keselamatan kanak-kanak di rumah iaitu tidak diberi pengetahuan asas

mengenai pendidikan seksual kanak-kanak di rumah, tiada pendedahan tentang pengetahuan asas LGBT di rumah, tiada penekanan mengenai pengasingan tempat tidur antara kanak-kanak lelaki dan perempuan, tiada batasan pergaulan antara ahli keluarga serta tiada larangan tontonan bagi siaran televisyen yang berunsurkan khas untuk tayangan untuk 18SX kepada kanak-kanak di rumah. Daripada 126 orang responden, seramai 125 (99.2%) responden bersetuju bahawa kanak-kanak tidak diberi pengetahuan asas mengenai pendidikan seksual kanak-kanak di rumah. Hanya seorang guru prasekolah (0.8%) yang tidak bersetuju bahawa kanak-kanak tidak diberikan pengetahuan asas mengenai pendidikan seksual di rumah. Manakala majoriti ibubapa (36 orang) bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dapatan analisis juga menunjukkan majoriti (100%) responden bersetuju bahawa kanak-kanak tiada pendedahan tentang pengetahuan asas LGBT(Lesbian, Gay, Biseksual & Transeksual) di rumah. Manakala bagi isu pengasingan tempat tidur antara kanak-kanak lelaki dan perempuan, seramai 124 (98.4%) responden iaitu dari kalangan guru (89 orang) dan ibubapa (35 orang) yang bersetuju bahawa tiada penekanan terhadap pengasingan tempat tidur antara kanak-kanak lelaki dan perempuan. Namun, dua orang responden yang terdiri daripada guru prasekolah dan ibubapa (1.6%) yang tidak bersetuju tentang pernyataan tersebut. Manakala pernyataan yang terakhir iaitu tiada larangan tontonan bagi siaran televisyen yang berunsurkan khas untuk tayangan untuk 18SX kepada kanak-kanak di rumah, didapati majoriti responden (100%) yang terdiri dari kalangan guru dan ibu bapa bersetuju bahawa tiada larangan tontonan bagi siaran televisyen yang berunsurkan khas untuk tayangan untuk 18SX kepada kanak-kanak di rumah. Perkara ini juga amat membimbangkan kerana *grooming seksual* akan berlaku di dalam aksi-aksi pelakon yang ditayangkan. Maka perlakuan inilah menjadi ikut-ikutan kepada kanak-kanak.

Jadual 3: Analisis Masalah Jenayah Seksual dari Aspek Keselamatan Kanak-kanak Di Sekolah

Kategori	Guru Prasekolah (n=90)		Ibubapa (n=36)		Frekuensi (f)		Peratus (%)	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
	Aspek keselamatan kanak-kanak di sekolah							
Latihan seni mempertahankan diri tidak diberi di sekolah	90	0	36	0	126	0	100	0
Tidak mempunyai pemeriksaan kawalan keselamatan yang ketat di kawasan sekolah	89	1	36	0	125	0	99.2	0.8
Tiada pantauan terhadap penggunaan tandas kanak lelaki dan perempuan	90	0	36	0	126	0	100	0
Kanak-kanak tidak mempunyai batasan pergaulan antara rakan/pendidik	90	0	36	0	126	0	100	0
Tidak mempunyai sistem keselamatan CCTV untuk setiap kelas/bilik khas	90	0	36	0	126	0	100	0

Berdasarkan kepada keputusan Jadual 3, menunjukkan pandangan responden terhadap isu keselamatan kanak-kanak di sekolah iaitu tidak diberi latihan seni mempertahankan diri di sekolah, tidak mempunyai pemeriksaan kawalan keselamatan yang ketat di kawasan sekolah, tiada pantauan terhadap penggunaan tandas kanak-kanak lelaki/perempuan, tiada batasan pergaulan antara rakan/pendidik serta tiada sistem keselamatan CCTV untuk setiap kelas/bilik khas. Daripada hasil tinjauan mendapati, seramai 126 (100%) responden iaitu dari kalangan guru dan ibubapa bersetuju bahawa kanak-kanak tidak diberi latihan seni mempertahankan diri di sekolah. Daripada jumlah 90 orang guru, seramai 89 orang guru (99.2%) bersetuju bahawa di kawasan sekolah tidak mempunyai pemeriksaan kawalan keselamatan yang ketat, manakala hanya seorang guru sahaja yang tidak bersetuju (0.8%) dengan pernyataan tersebut. Bagi responden di kalangan ibubapa pula majoriti bersetuju dengan pernyataan mengenai sistem keselamatan di sekolah yang agak longgar jika dibandingkan di sekolah swasta. Selain itu majoriti responden yang terdiri dari kalangan guru dan ibu bapa (100%) juga telah menunjukkan persetujuan terhadap ketiga-tiga pernyataan iaitu, tiada pantauan terhadap penggunaan tandas kanak-kanak lelaki/perempuan, tiada batasan pergaulan antara rakan/pendidik serta tiada sistem keselamatan CCTV untuk setiap kelas/bilik khas. Ini menunjukkan sistem keselamatan dan pendidikan keselamatan di kawasan sekolah didapati tidak menepati piawaian yang diharapkan oleh guru dan ibubapa.

Jadual 4: Analisis Terhadap Kemahiran dan Kebolehan Murid Prasekolah Menguasai Tahap Pembelajaran pendidikan seksual dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan

Kategori	Guru Prasekolah (n=90)		Ibubapa (n=36)		Frekuensi (f)		Peratus (%)	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Kemahiran dan kebolehan murid prasekolah menguasai tahap pembelajaran pendidikan seksual								
a. Boleh mendengar & melihat	90	0	36	0	126	0	100	0
b. Boleh menceritakan semula	80	10	15	21	95	31	75	24.6
c. Boleh menulis	85	5	30	6	115	11	91.3	8.7
d. Boleh mewarna	90	0	36	0	126	0	100	0
e. Boleh mengaplikasikan	0	90	0	36	0	100	0	100

Dapatan kajian daripada Jadual 4 menunjukkan pandangan responden terhadap kemahiran dan kebolehan murid prasekolah menguasai tahap pembelajaran pendidikan seksual dalam kurikulum standard prasekolah kebangsaan. Didapati seramai 126 orang responden (100%) yang terdiri daripada guru dan ibubapa yang bersetuju bahawa kemahiran mendengar dan melihat telah dikuasai oleh murid prasekolah dalam pembelajaran seksualiti. Kemahiran ini adalah merupakan asas kepada kanak-kanak untuk mempelajari sesuatu kemahiran. Bagi kemahiran menceritakan semula pula berada di tahap yang kurang memuaskan kerana ianya melibatkan kemahiran komunikasi dan kefahaman yang tinggi daripada kanak-kanak

prasekolah. Seramai 80 orang guru dan 15 orang ibubapa yang bersetuju tentang kemahiran menceritakan semula ini, namun seramai 10 orang guru dan 21 orang ibubapa pula menidakkan pernyataan tersebut. Oleh itu peratus yang mengatakan 'Ya' hanyalah sebanyak 75% sahaja.

Manakala bagi kemahiran menulis, ianya berada di tahap memuaskan (91.3%) iaitu sebanyak 80 orang guru dan 30 orang ibubapa yang bersetuju bahawa kanak-kanak dapat menulis dalam pengajaran yang melibatkan pendidikan seksualiti. Bagi kemahiran mewarna pula, didapati majoriti responden (100%) iaitu dari kalangan guru dan ibubapa yang bersetuju bahawa kanak-kanak lebih gemar dengan aktiviti mewarna dalam pembelajaran seksualiti. Namun begitu, bagi kemahiran mengaplikasi kemahiran seksualiti pula didapati tiada yang bersetuju (0%) kerana kemahiran ini masih menjadi pertanyaan kepada ibu bapa dan guru tentang kemahiran apakah yang seharusnya kanak-kanak prasekolah lakukan bagi memenuhi pengajaran seksualiti yang lebih efektif. Kelompongan atau persoalan inilah yang membantu pengkaji untuk mewujudkan satu modul yang berbentuk pembelajaran secara aplikasi dan praktikal yang sangat membantu kanak-kanak terutamanya dalam menangani masalah jenayah seksual yang berlaku di dalam negara pada masa kini.

Jadual 5: Analisis Terhadap Kemahiran dan Kebolehan Yang Sepatutnya dikuasai oleh Murid Prasekolah dalam pendidikan seksualiti Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan

Kategori	Guru Prasekolah (n=90)		Ibubapa (n=36)		Frekuensi (f)		Peratus (%)	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Kemahiran dan kebolehan Yang Sepatutnya Dikuasai oleh Murid Prasekolah dalam pendidikan seksual								
a. Kemahiran berfikir kritis & kreatif	90	0	36	0	126	0	100	0
b. Penyelesaian masalah	90	0	36	0	126	0	100	0
c. Meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pendidikan seksual	85	5	30	6	115	11	91.3	8.7
d. Peka dengan isu jenayah seksual	90	0	36	0	126	0	100	0
e. Boleh menjaga keselamatan diri dan orang lain	90	0	30	6	120	6	95.3	4.8

Dapatan kajian menunjukkan pandangan responden terhadap kemahiran yang sepatutnya dikuasai oleh murid prasekolah iaitu kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam pembelajaran pendidikan seksualiti, kemahiran penyelesaian masalah kemahiran, kemahiran dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pendidikan seksual, peka dengan isu jenayah seksual serta kemahiran menjaga keselamatan diri dan orang lain.

Didapati juga majoriti responden (100%) dari kalangan guru dan ibu bapa bersetuju dengan ketiga-tiga pernyataan yang melibatkan kemahiran secara kritis dan kreatif, kemahiran penyelesaian masalah serta sikap kepekaan kanak-kanak dengan isu jenayah seksual yang

berlaku di dalam negara pada masa kini. Ketiga-tiga kemahiran ini perlu diterapkan ke dalam pengajaran pendidikan seksual untuk memastikan keselamatan kanak-kanak terjamin pada masa hadapan. Selain itu, sebanyak 85 orang guru dan 30 orang ibubapa (91.3%) yang secara keseluruhannya pula bersetuju dengan pernyataan bahawa kanak-kanak juga perlu untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pendidikan seksual.

Kemahiran yang terakhir yang juga amat penting kepada kanak-kanak ialah kemahiran menjaga keselamatan diri dan orang lain. Sebanyak 95.3% adalah daripada jumlah para guru (90 orang) dan ibubapa (30 orang) yang percaya bahawa kemahiran keselamatan diri dan orang lain yang perlu diterapkan dalam pembelajaran pendidikan seksual. Hanya 6 orang daripada kalangan ibubapa yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Namun begitu, majoriti ibubapa dan guru sangat menitik beratkan kemahiran keselamatan diri ini dan hasil dapatan ini memberi satu idea kepada pengkaji untuk merancang satu corak pengajaran yang terarah kepada latihan mempertahankan diri.

Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan masalah kepada pendidikan seksual kepada kanak-kanak prasekolah terbahagi kepada dua aspek iaitu dari aspek keselamatan di rumah dan juga dari aspek sekolah. Hasil tinjauan masalah, didapati sebilangan ibubapa berpandangan bahawa anak-anak mereka kurang pendedahan kepada pendidikan seksual, tiada pendedahan tentang pengetahuan asas LGBT, tiada penekanan mengenai pengasingan tempat tidur antara kanak-kanak lelaki dan perempuan, serta anak-anak juga tidak mempunyai batasan pergaulan antara ahli keluarga. Responden dalam konteks kajian ini keseluruhannya menyatakan bahawa isu masalah jenayah seksual bagi kanak-kanak prasekolah dari segi aspek keselamatan di rumah terutamanya melibatkan pendedahan tentang pengetahuan asas pendidikan seksualiti ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada peningkatan kes jenayah seksual kepada kanak-kanak. Selain daripada itu, guru dan ibubapa juga ditanya mengenai isu masalah jenayah seksual yang berpunca daripada masalah yang berlaku di sekolah, iaitu ketidakhadiran pengajaran latihan keselamatan untuk murid prasekolah untuk mempertahankan diri serta ketiadaan sistem keselamatan CCTV. Tambahan lagi masalah juga berpunca daripada pemantauan yang lemah oleh pihak sekolah terhadap keselamatan kawasan tandas serta tiada penekanan dalam batasan pergaulan antara pendidik dan murid-murid. Justeru itu, situasi semasa terhadap isu masalah jenayah seksual bagi kanak-kanak prasekolah dari aspek keselamatan di sekolah dan di rumah masih berada di tahap yang lemah terutamanya yang melibatkan pendedahan kepada seni mempertahankan diri serta pengawasan dan pemantauan di kawasan sekolah seperti di tandas, kelas dan bilik-bilik khas. Ini selaras dengan pandangan Dale, 2016 yang berpandangan bahawa dimensi pengajaran seksualiti kanak-kanak perlu diubah daripada pengajaran tradisional kepada pengajaran yang baru (Dale, R., Shanley, D. C., Zimmer-Gembeck, M. J., Lines, K., Pickering, K., & White, C., 2016). Perkara ini telah dibincangkan oleh Kerry H. Robinson, 2017 yang berpendapat bahawa peranan sekolah dan rumah dalam pendidikan seksualiti kanak-kanak untuk memahami pendidikan seksualiti yang menyeluruh serta mempunyai kesinambungan. Rumah dikenal pasti sebagai sumber utama atau 'tempat pertama' bagi kanak-kanak untuk belajar mengenai kepercayaan, cinta, kasih sayang, anggota tubuh badan, kebogelan, privasi, tandas, dan nilai dan sikap. Manakala sekolah pula dilihat sebagai laman web untuk 'mempelajari peraturan dan sebagai lanjutan pembelajaran pendidikan seksualiti yang melibatkan rakan-rakan, guru serta pihak pentadbiran sekolah (Robinson, K. H., Smith, E., & Davies, C. 2017).

Hasil tinjauan analisis keperluan modul oleh kajian Ali, A., & Mahamod, Z. (2017) juga menambah, dalam pengajaran modul perlu diperincikan dengan contoh rancangan harian,

cadangan aktiviti permainan dan penjelasan tentang jenis permainan. Menurut kajian tersebut, antara aspek yang perlu dinyatakan ialah mestilah menyeronokkan dan memotivasikan murid, menyatakan objektif pembelajaran, mencadangkan tempoh pelaksanaan yang fleksibel, memperincikan langkah, mempunyai langkah pelaksanaan, mencadangkan kaedah dan teknik bersesuaian, mencadangkan bahan permainan yang bersesuaian, menggabungkan permainan bebas dengan permainan yang dibimbing, mempunyai lembaran kerja untuk murid, menggunakan bahasa yang mudah dan bersesuaian dengan keupayaan murid, terdapat kepelbagaian serta pembangunan modul itu juga perlu disusun daripada mudah ke sukar. Pembelajaran seksualiti kanak- juga perlu menggunakan bahan bacaan, kad imbasan, buku-buku, peralatan sebagai satu set bahan untuk melaksanakan aktiviti (Medien & Materialien, 2019) kerana dengan set atau bahan aktiviti yang dicipta itu dapat memberi manfaat kepada peningkatan ilmu pendidikan seksual kanak-kanak. Kesemua usaha ini bersesuaian dengan jenis kemahiran yang telah dibincangkan di dalam hasil dapatan kajian.

Analisis data terhadap kemahiran dan kebolehan murid-murid prasekolah juga dilaksanakan bagi memastikan perjalanan pembelajaran pendidikan seksual ini selari dengan kehendak Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Didapati kemahiran menguasai pembelajaran pendidikan seksualiti dalam kemahiran asas seperti kemahiran mendengar & melihat, menulis dan mewarna seperti yang disasarkan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan pada masa kini telah dikuasai dengan baik oleh kanak-kanak. Namun begitu, terdapat satu kekurangan iaitu dari sudut kemahiran untuk mengaplikasikan pendidikan seksualiti dalam kehidupan sebenar. Rata-rata responden tidak dapat memberi jawapan pernyataan tersebut kerana tidak tahu bagaimana untuk memberikan kemahiran pendidikan seksualiti yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan kanak-kanak.

Antara kebolehan dan keupayaan kanak-kanak bagi menjayakan transformasi pendidikan seksualiti terkini yang juga perlu diberi perhatian ialah kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, penyelesaian masalah, peningkatan dalam ilmu seksualiti, kepekaan kanak-kanak dengan isu jenayah seksual serta kemahiran menjaga keselamatan diri. Pernyataan ini adalah bersesuaian dengan Laporan Tahunan 2018, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) yang menekankan tentang kemenjadian murid melalui aktiviti inisiatif KBAT iaitu salah satu elemen yang terdapat di dalam program i-THINK. Program i-THINK bertujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah menghasilkan murid berfikiran kreatif dan kritis serta inovatif dengan menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan penyoalan aras tinggi. Penggunaan kemahiran seperti yang dinyatakan tersebut perlulah diambil kira dalam pembangunan modul pendidikan seksualiti.

Kesimpulan

Kaedah terbaik untuk memastikan program pendidikan seksualiti berlangsung dengan berkesan adalah dengan memberikan latihan yang efektif dan terancang kepada para pendidik. Apatah lagi bagi guru prasekolah yang menghadapi pelbagai cabaran dalam mendidik kanak-kanak yang berumur 5 dan 6 tahun. Kajian-kajian luar negara seperti kajian oleh Howard-Barr et. al, (2010) dan Kim & Kim (2010) telah mengenal pasti punca-punca kurangnya keberkesanan pendidikan seksualiti ialah kurang latihan dan kurang sumber atau bahan pengajaran yang sesuai. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa para guru memerlukan satu modul pendidikan seksual yang berasaskan kemahiran-kemahiran secara kreatif dan kritis, penyelesaian masalah, pengajaran yang meningkatkan kepekaan kanak-kanak tentang isu-isu jenayah seksual serta latihan yang khususnya untuk menjaga keselamatan diri oleh kanak-kanak prasekolah. Latihan mempertahankan diri ini amat penting diterap kepada kanak-

kanak agar mereka sedar bahawa tanggungjawab mereka juga adalah menjaga keselamatan diri sendiri.

Berdasarkan permasalahan-permasalahan yang wujud dalam penyampaian pendidikan seksualiti, dapat dirumuskan bahawa masalah yang berpunca daripada aspek keselamatan di rumah dan di sekolah perlu diatasi adalah sangat penting. Pendidikan seksualiti yang terbaik bagi kanak-kanak adalah merangkumi pemilihan topik atau isi kandungan yang merangkumi kemahiran-kemahiran dan keupayaan kanak-kanak. Ianya perlu ditekankan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kanak-kanak.

Oleh itu satu transformasi dalam pedagogi pengajaran perlu diwujudkan agar pembelajaran dalam pendidikan seksualiti dapat diaplikasikan dari sudut kemahiran menjaga keselamatan diri. Maka jelaslah di sini bahawa ibubapa dan guru mendambakan satu perubahan dalam pengajaran pendidikan seksualiti khususnya untuk menjaga keselamatan diri kanak-kanak daripada teraniaya oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Rujukan

- Abd Manaf A. R., & Mokhtar, N. (2016). Isu-isu sokongan sosial dalam kalangan kanak-kanak mangsa penderaan seksual di institusi pemeliharaan dan perlindungan. *Journal of Techno Social*, 8(2).
- Ahmad, Z. (2017). *Pembangunan modul pedagogi kelas berbalik berasaskan pembelajaran reflektif untuk politeknik premier* (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).
- Allotey, P. A., Diniz, S., DeJong, J., Delvaux, T., Gruskin, S., & Fonn, S. (2011). Sexual and reproductive health and rights in public health education. *Reproductive Health Matters*. [https://doi.org/10.1016/S0968-8080\(11\)38577-1](https://doi.org/10.1016/S0968-8080(11)38577-1)
- Ang, C. T. (2014). *Pembinaan modul pendidikan seksualiti masalah pembelajaran peringkat menengah: satu kajian berdasarkan analisis keperluan* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- Asra, Ridhuan, M. J., Tony Lim, A., Saedah, S., & Siti Aisyah, H. (2014). Implementation Model of Mlearning Based Discovery Learning. *International Conference on Global Trends in Academic Research*, 2009, 366–382.
- Aziz, S. F. A., Siraj, S., Hussin, Z., Norman, N. A., & Norman, N. I. (2017). Development of a Garden-Based Curriculum Content Model for Indigenous Primary School Students. *Science Journal of Business and Management*, 5(5), 62-76.
- Berita Harian Online Isnin, 3 April 2017 10:11am, Perangi kes seksual kanak-kanak secara komprehensif, holistik.
- Bugdadi, A., Sawaya, R., Olwi, D., Al-Zhrani, G., Azarnoush, H., Sabbagh, A. J., Alsideiri, G., Bajunaid, K., Alotaibi, F. E., Winkler-Schwartz, A., & Del Maestro, R. (2018). Automaticity of Force Application During Simulated Brain Tumor Resection: Testing the Fitts and Posner Model. *Journal of Surgical Education*. <https://doi.org/10.1016/j.jsurg.2017.06.018>
- Creswell, J. W., & Creswell, D. J. (2017). Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches (2nd Edition). *Organizational Research Methods* (Vol. 6, Issue 3). <http://www.amazon.com/Research-Design-Qualitative-Quantitative-Approaches/dp/0761924426>
- Curriculum Development Division. (2017). *National Preschool Standard-Based Curriculum*. Ministry of Education.
- Dalley, D. (2012). The Circles of Sexuality. *Minnesota Department of Health*. <http://www.health.state.mn.us/topics/sexualhealth/circlesofsexuality.pdf>

- Gansen, H. M. (2017). Reproducing (and Disrupting) Heteronormativity: Gendered Sexual Socialization in Preschool Classrooms. *Sociology of Education*, 90(3), 255–272. <https://doi.org/10.1177/0038040717720981>
- Gowen, L. K., & Wings-Yanez, N. (2014). Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender, Queer, and Questioning Youths' perspectives of inclusive school-based sexuality education. *Journal of Sex Research*. <https://doi.org/10.1080/00224499.2013.806648>
- Howard-Barr EM, Panella MP. Learning from a community action plan to promote safe sexual practices. *Soc Work*. 2010;55(1):19-26. doi:10.1093/sw/55.1.19
- Ishak, Z. (2006). *Panduan kesihatan dan keselamatan kanak-kanak*. Utusan Publications.
- Jones, H., & Twiss, B. L. (1978). *Forecasting Technology for Planning Decisions*. Mac Millan.
- Jin, Y., Chen, J., & Yu, B. (2019). Parental practice of child sexual abuse prevention education in China: Does it have an influence on child's outcome?. *Children and Youth Services Review*, 96, 64-69.
- Karimuddin, M., Syed Ali, S. R., & Ahmed @ Adenan, A. S. (2017). Tahap Kesiediaan Pengajaran Pendidikan Seksualiti Guru Pelatih Pendidikan Awal Kanak-Kanak Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 12, 128–139.
- Kim, U.R and Kim, J.H., (2010). Perspectives of special ed. teachers' toward students with secondary mild intellectual dis. in Soul, Korea, *Journal of Intellectual Disabilities*, 12(4), 323-342.
- Mobredi, K., Hasanpoor-Azghady, S. B., Azin, S. A., Haghani, H., & Farahani, L. A. (2018). Effect of the sexual education program on the knowledge and attitude of preschoolers' mothers. *Journal of Clinical and Diagnostic Research*. <https://doi.org/10.7860/JCDR/2018/32702.11616>
- NOR, M. F. M. (2018). Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017: Penambahbaikan Perundangan Berkaitan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak di Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 1(1), 37-55.
- ONLINE Berita Harian,(2019). *Kesedaran terhadap jenayah pedofilia semakin meningkat*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/12/639068/kesedaran-terhadap-jenayah-pedofilia-semakin-meningkat>
- Ozguner, Z., & Ozguner, M. (2014). A Managerial Point of View on the relationship between of Maslow' s Hierarchy of Needs and Herzberg' s Dual Factor Theory. *International Journal of Business and Social Science*, 5(7), 207–216.
- Reynolds, J., Achilles, S., & Achilles, C. (2014). *Problem Analysis*. Routledge.
- Richey, R.C., Klein, J.D. & Nelson, W. A. (2004). Developmental research: Studies of instructional design and development. Retrieved on 31st March, 2015 from <http://www.aect.org/edtech/41.pdf> Richey, R., & Klein, J.D. (2007). Design and development research: Methods, strategies, and Issues: Routledge.
- Robinson, K. H., Smith, E., & Davies, C. (2017). Responsibilities, tensions and ways forward: parents' perspectives on children's sexuality education. *Sex Education*, 17(3), 333–347. <https://doi.org/10.1080/14681811.2017.1301904>
- Ryan, M. J. (2015). ‘Does anybody here want to fight’...‘No, not really, but if you care to take a swing at me...’the cultivation of a warrior’s habitus in a Venezuelan combative art. *Ido Movement for Culture. Journal of Martial Arts Anthropology*, 3(15), 1-7.
- Schmidt, S. C., Wandersman, A., & Hills, K. J. (2015). Evidence-Based Sexuality Education Programs in Schools: Do They Align with the National Sexuality Education Standards? *American Journal of Sexuality Education*, 10(2), 177–195. <https://doi.org/10.1080/15546128.2015.1025937>

- Shariza, S. (2017). *Pembangunan modul latihan pendidikan seksualiti untuk guru program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) peringkat Sekolah Rendah/Shariza Said* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Shukor, S. A., Abd, H., Shah, R., & Musa, N. A. (2017). Regulating children's safety on the internet: a malaysian perspective. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled, 1*(1).
- Yusop, Y. M. (2013). The Needs Analysis in Self-Concept Module Development. *The Malaysian Online Journal of Educational Science, 3*(1), 44–55. www.moj-es.net
- Van den Akker, J. (1999). Principles and methods of development research. In J. van den Akker, N. Nieveen, R. M. Branch, K. L. Gustafson, & T. Plomp (Eds.), *Design methodology and developmental research in education and training* (pp. 1–14). The Netherlands: Kluwer Academic Publishers. doi:10.1007/978-94-011-4255-7_1.